

‘Ia bukan soal karya tapi strategi’

Mengantarabangsakan buku tempatan perlu pelan, kerjasama berterusan dan praktikal

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhsastera@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mempunyai ekosistem yang sangat baik dalam menyuburkan kesusasteraan tempatan sekiranya semua pihak memainkan peranannya dengan berkesan.

Hal ini ditegaskan oleh Pengurus Jualan dan Pemasaran IBDE Ilham Sdn Bhd, Ainuni Muaiyanah Muhammad Sulaiman yang menyifatkan ekosistem pembangunan buku di Malaysia tidak ada kurangnya berbanding dengan negara.

Katanya, Malaysia mempunyai pelbagai ekosistem yang menyokong kesuburan ekosistem perbukuan tempatan antaranya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Perbadanan Kota Buku (PKB), Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) juga MyCreative Ventures.

“Itu belum lagi pelbagai persatuan berkaitan penerbitan buku misalnya Buku Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), apa yang mungkin perlu diperkemas adalah strategi, kerjasama selain mengorak langkah secara strategik, praktikal dan berterusan.

“Soal mengantarabangsakan buku tempatan bukan sekadar berkisar pada karya misalnya sama ada ia tebal nipis, menang hadiah atau tidak, penulis tua atau muda tapi bagaimana kita menempatkan diri dalam pasaran antarabangsa,” katanya pada Siaran Langsung Suara Dari Anjung Dewan Sastera: Globalisasi Sastera Malaysia: Mimpi Atau Realiti? yang dimudahcarakan oleh Penolong Pengarah, Pusat Kajian Politik dan Diplomasi, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, Ahmad Muziru Idham Adnan.

Acara itu turut menampilkan Pengarah Kreatif PUSAKA, penterjemah dan penulis, Pauline Fan serta Penyelidik Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia, Dr Hani Salwah Yaakub

Tambahnya, pengalaman menyertai pelbagai pesta buku antarabangsa sama ada di Eropah atau Asia, membuka matanya kepada peluang, ruang dan peranan yang perlu dimainkan oleh semua pihak.

“Misalnya, ketika di Istanbul tidak berapa lama dulu saya dimaklumkan pada ketika itu hanya sekitar lima peratus daripada semua penerbitan Turki berjaya diterjemahkan ke luar negara, manakala sebanyak 95 peratus karya yang berada dalam pasaran adalah terbitan domestik, khususnya dari Istanbul.

“Hal ini tentu saja berbeza pada ketika ini, sekali gus membuktikan bahawa kejayaan untuk membawa

karya tempatan ke peringkat global tidak berlaku secara serta-merta, tetapi melalui usaha berterusan yang bermula dengan membina pasaran tempatan yang kukuh dan meyakinkan,” katanya.

Meraikan karya terjemahan

Namun pada masa sama, Ainuni Muaiyanah berkata, beliau belajar bahawa langkah paling praktikal untuk membina industri buku yang kukuh ialah dengan memulakan usaha membeli hak cipta karya luar negara dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu.

Katanya, dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, muncul satu bentuk keyakinan baharu dalam kalangan pemain industri buku bahawa rakyat Malaysia mempunyai minat untuk membaca karya luar negara dalam bahasa Melayu dan ia adalah satu perkara yang kita perlu percaya.

“Minat rakyat Malaysia terhadap karya luar negara dalam bahasa Melayu sudah pun dibuktikan melalui sokongan ekosistem institusi penjualan buku secara dalam talian, yang semakin berkembang dan cekap.

“Malah data jualan juga menunjukkan trend yang jelas bahawa pembaca tempatan semakin terbuka serta menyambut baik karya terjemahan.

“Oleh itu, sudah tiba masanya kita menghapuskan pemikiran bahawa rakyat Malaysia hanya mahu membaca karya dalam bahasa asal atau bahasa Inggeris semata-mata, tetapi hakikatnya pandangan seperti itu sudah tidak relevan dan tertinggal jauh ke belakang,” katanya.

Sementara itu, Fan berkata, agensi kerajaan termasuk DBP seharusnya memberi perhatian bukan sahaja kepada usaha menterjemahkan karya daripada bahasa Melayu ke bahasa asing,



atau sebaliknya, tetapi juga kepada penterjemahan antara bahasa-bahasa tempatan.

Katanya, usaha ini penting dalam memupuk kefahaman silang budaya dan mengangkat kepelbagaian linguistik sebagai kekuatan bersama dalam membina identiti sastera kebangsaan.

“Menterjemahkan karya ke dalam bahasa Melayu dan dari bahasa Melayu ke dalam bahasa asing adalah langkah penting bukan sahaja untuk menyebarkan ilmu dan sastera negara, tetapi juga untuk memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu sendiri.

“Dalam konteks Malaysia sebagai negara majmuk, usaha menterjemah tidak sepatutnya terhad kepada antara bahasa Melayu dan bahasa asing sahaja,” katanya.

Pandangan dunia

Justeru, beliau melihat perlunya memberi perha-

tian kepada penterjemahan antara bahasa-bahasa tempatan seperti Tamil dan Cina kerana Malaysia terdiri daripada pelbagai komuniti yang bukan sahaja berbeza bahasa, tetapi juga pandangan dunia.

Malah katanya, berdasarkan pengalaman sebagai penterjemah, kurator, dan pengarah festival sastera, beliau mendapati penterjemahan antara bahasa-bahasa tempatan membuka ruang dialog yang lebih luas serta memperkayakan wacana kebudayaan dalam negara.

“Sebagai contoh, saya sendiri tidak fasih dalam bahasa Cina, namun saya sedar bahawa komuniti sastera Mahua (sastera Cina Malaysia) sangat aktif dan giat berkarya, malah karya-karya mereka turut mendapat pengiktirafan bukan sahaja di China, tetapi juga di Taiwan, serta sudah memenangi pelbagai anugerah sastera antarabangsa.

“Di peringkat global, sastera Mahua diangkat sebagai satu aliran sastera bahasa Cina yang unik dan tersendiri yang sudah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa lain,” katanya.

Tambahnya, jika kita benar-benar mahu mengangkat sastera Malaysia, apa yang perlu dibuat adalah memperkukuhkan sastera Malaysia secara menyeluruh tanpa mengkotak-kotakkan karya berdasarkan bahasa atau bangsa.

Fan menyifatkan, setelah sekian lama merdeka, sudah tiba masanya untuk mengangkat semua sastera negara, termasuk karya-karya dari Sabah, dan Sarawak, malah suara dari wilayah itu turut mempunyai daya tarikan tersendiri dan semakin mendapat perhatian di peringkat antarabangsa.

Antara khalayak yang menyaksikan Siaran Langsung Suara Dari Anjung Dewan Sastera: Globalisasi Sastera Malaysia: Mimpi Atau Realiti?

